



JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA  
CAWANGAN \_\_\_\_\_

**SURAT PENYERAHAN DAN AKUAN TERIMA**

Saya/Kami\* \_\_\_\_\_ No. K/P/No. Syarikat\* \_\_\_\_\_  
beralamat \_\_\_\_\_

(selepas ini disebut sebagai "Pembeli") mengaku dan bersetuju bahawa:

1. \_\_\_\_\_ (*isikan nama bankrap/nama syarikat yang digulung*) (selepas ini disebut sebagai Bankrap/Syarikat yang digulung\*) adalah tuan punya ke atas harta yang diperihalkan iaitu \_\_\_\_\_ (*nyatakan jenis dan maklumat harta berkenaan*)

2. Pada \_\_\_\_\_ suatu Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman/Perintah Kebankrapan/Perintah Penggulungan telah dikeluarkan terhadap Bankrap/Syarikat yang digulung\* oleh Mahkamah \_\_\_\_\_, no kes: \_\_\_\_\_ dan segala hal ehwal dan harta Bankrap/Syarikat yang digulung\* adalah terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI)/Pegawai Penerima dan Penyelesai (PPP)\* (selepas ini disebut sebagai "Penjual").

3. Penjual berhasrat untuk menjual harta tersebut kepada Pembeli dan Pembeli berhasrat untuk membeli harta tersebut daripada Penjual dengan balasan harga belian yang dinyatakan dalam Surat Tawaran bertarikh \_\_\_\_\_ dan Surat Penyerahan dan Akuan Terima ini.

4. Pembeli telah melihat dan memeriksa harta tersebut daripada segala aspek, rupa dan keadaan dan berpuas hati akan rupa dan keadaannya dan bersetuju membeli harta tersebut berdasarkan sebagaimana dan di mana berada ("*as is where is basis*").

5. Harga balasan yang dipersetujui adalah sebanyak RM \_\_\_\_\_ (Ringgit Malaysia: \_\_\_\_\_)

6. Pembeli tidak berhak untuk membatalkan penjualan harta ini atau membuat apa-apa tuntutan, pampasan, ganti rugi atau pengurangan harga pembelian atau menuntut apa-apa ganti rugi atau perbelanjaan sekiranya selepas harga pembelian dijelaskan:

- i) terdapat apa-apa kekurangan atau kecacatan pada rupa atau keadaan harta tersebut; atau
- ii). terdapat apa-apa susut nilai harta tersebut.

7. Pembeli hendaklah menyebabkan penghantaran dan penerimaan harta tersebut kepada Pembeli atas kos dan perbelanjaan Pembeli sendiri.

8. Pembeli dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi dan sentiasa menanggung rugi Penjual terhadap semua tuntutan, tanggungan, kehilangan, kerosakan, perbelanjaan, kos atau penalti yang dikenakan akibat daripada penjualan harta tersebut oleh Penjual kepada Pembeli.

.....  
(Tandatangan Penjual)  
Nama:  
Jawatan:  
b/p: Ketua Pengarah Insolvensi/  
Pegawai Penerima dan Penyelesai  
Tarikh:

.....  
(Tandatangan Pembeli)  
Nama:  
No. KP/No. Syarikat\*:  
Cop:  
Tarikh:

.....  
Tandatangan Saksi  
Nama:  
No. K/P:  
Tarikh:

.....  
Tandatangan Saksi  
Nama:  
No. K/P:  
Tarikh:

*\*potong mana yang tidak berkenaan*